

BERITA HARIAN, JUMAAT, 3 MAC, 1978

**"Berpecah dua  
cukuplah,  
Jangan pula  
dijadikan  
tiga". Dr. M.**

**"KERJASAMA BN, Berjasa untuk mengekalkan paduan Melayu", begitu lah bunyi sebuah tajuk berita di Berita Harian, Februari 27, 1978. Perenggan-perenggan pertama, kedua dan ketiga di bawahnya pula berbunyi begini:**

**Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, menegaskan hari ini kerjasama antara Barisan Nasional dan Berjasa di Kelantan adalah bertujuan untuk mengekalkan perpaduan orang Melayu negeri itu.**

**Katanya, "Kerjasama tersebut adalah menyeluruh demi perpaduan rakyat serta kebalkan dan pembangunan negeri Kelantan.**

**"Kita tidak mahu melihat orang-orang Melayu yang telah berpecah dua itu terus berpecah menjadi tiga golongan akibat persengketaan antara pemimpin-pemimpin Pas yang membawa kepada penubuhan Berjasa".**